

04 APR 2002

Mahathir-Ringgit/I

TAMBATAN RINGGIT TAK PERLU DIUBAH, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Muin Abdul Majid

PUTRAJAYA, 4 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi bahawa Malaysia akan terus menambat ringgit kepada dolar Amerika memandangkan ia tidak menjejaskan perniagaan malah memberi faedah yang banyak kepada mereka.

Beliau berkata perniagaan berupaya meraih keuntungan dengan dapat membuat peruntukan perbelanjaan tanpa bertarung dengan risiko dan kerugian tukaran asing yang tidak stabil setelah ringgit ditetapkan pada RM3.80 berbanding satu dolar.

Perdana Menteri berkata perniagaan Malaysia menyokong tambatan berkenaan "kerana apabila mereka membuat belanjawan untuk sesuatu, mereka tahu bahawa pada hujung tahun, mereka boleh mencapai belanjawan mereka itu."

Selain itu, "mereka tidak perlu membuat perlindungan nilai, yang merupakan kos menjalankan perniagaan, dan (dengan itu) tidak perlu menghadapi kemungkinan turun nilai matawang dan menyebabkan banyak masalah bagi penetapan kos mereka," katanya semasa menjawab pertanyaan sama ada tambatan ringgit berbanding dolar Amerika akan berpanjangan selama-lamanya atau sama ada akan tiba masanya ia kembali bebas.

Kenyataan perdana menteri itu dibuat semasa pertemuannya dengan 20 wartawan asing yang membuat liputan sesi khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) mengenai keganasan yang berakhir semalam, di pejabatnya di sini.

Malaysia melaksanakan kawalan modal terpilih pada 1 Sept 1998 dan ini termasuk menambat ringgit pada RM3.80 kepada satu dolar berikutan serangan spekulatif terhadap ringgit selepas baht Thai terjejas hebat dengan manipulasi spekulatif yang serupa pada Jun 1997.

Serangan spekulatif terhadap ringgit itu membawanya menjunam serendah RM5.20 berbanding dolar. Ini mempercepatkan krisis kewangan serantau.

Tambatan berkenaan walaupun dikritik di peringkat antarabangsa sebagai tidak ortodoks pada masa itu, telah mampu memberhentikan ketidakstabilan matawang tempatan dan membenarkan pihak berkuasa melaksanakan dasar kewangan yang lebih luas bagi melonjakkan ekonomi Malaysia yang hampir rebah kerana krisis kewangan.

Dr Mahathir berkata: "Tambatan itu tidak memberikan sebarang kemudahan kepada kita atau golongan peniaga."

Bagaimanapun, beliau berkata Malaysia mungkin menimbangkan untuk menurunkan nilai ringgit "sekiranya kami mendapati bahawa kadar pertukaran menjadikan kami tidak lagi kompetitif."

Ini hanya akan berlaku sekiranya pesaing atau jiran Malaysia menurunkan nilai atau menilai semula mata wang mereka sekurang-kurangnya sebanyak 20 peratus, tegas beliau.

Beliau berkata apabila penilaian semula atau penurunan nilai demikian "menjadi agak tetap, kami akan menimbangkannya pada masa itu."

"Ia bukan sesuatu yang akan kami lakukan dengan segera, tetapi akan menimbangkannya sama ada kami perlu mengubah kadar tukaran," jelas beliau.

Semasa ditanya sama ada Malaysia berada pada sasaran untuk mencapai Wawasan 2020 dengan status ekonomi maju, Dr Mahathir berkata: "Bagi kami, kami masih boleh mencapai sasaran untuk menjadi negara maju menjelang 2020."

Bagaimanapun, "kini kami terlalu bergantung kepada elektronik," katanya sambil merujuk kepada eksport Malaysia dengan 82 peratus adalah barangan

pembuatan dan daripada ini, 50 peratus terdiri daripada produk elektronik.

"Kami perlu keluar daripada penggantungan terhadap elektronik dan kami melakukannya sekarang dengan beralih kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta multimedia. Kami semakin maju dengannya," katanya.

"Kami boleh mencapai pertumbuhan itu sekiranya seluruh dunia tidak menghadapi bencana yang besar," kata beliau. lagi.

-- BERNAMA

MAM MR SHY NHD JR RON